

22 MAY 2003

MOGGIE-MENARA/I

SEBUAH SYARIKAT AKAN DILANTIK LAKSANA MENARA TELCO, KATA MOGGIE

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Sebuah syarikat akan ditugaskan tidak lama lagi untuk mengendalikan menara-menara telekomunikasi di negara ini.

Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia Datuk Amar Leo Moggie berkata terdapat perbincangan mengenai perkara itu dan persetujuan muktamad akan dicapai tidak lama lagi.

"Kita harap bahawa ia akan dibuat dengan segera," beliau memberitahu pemberita selepas melancarkan Hari Telekomunikasi Sedunia 2003 (WTD), di sini hari ini.

Pada masa ini, syarikat-syarikat telekomunikasi (telcos) telah berkongsi penggunaan menara tetapi belum ada persetujuan rasmi lagi, katanya.

"Oleh itu, kita mahu mereka mempunyai perjanjian formal," katanya, sambil menambah bahawa ia akan menjadi cara melakukannya yang seragam pada masa akan datang.

Perkongsian prasarana telekomunikasi dijangka mengoptimumkan dan mengukuhkan sumber-sumber syarikat-syarikat sambil membekalkan perkhidmatan yang bermutu dan lebih murah kepada para pelanggan dan kawasan liputan yang lebih luas.

Ruang lingkup perkongsian prasarana boleh meliputi pertukaran menara atau tapak, perkongsian kos membina menara-menara baru atau tapak-tapak dan sewaan menara-menara atau tapak-tapak pada kadar yang dipersetujui.

Terdahulu di dalam ucapan beliau, Moggie berkata tema sambutan WTD tahun ini "Membantu Semua Penduduk Dunia Berkomunikasi" adalah sesuai dan tepat masanya terutamanya dengan negara ini melakukan usaha besar menjadi pemimpin dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Katanya kerajaan merasakan bahawa dengan menjadi negara peneraju dalam ICT, ia akan mampu mengeluarkan masyarakat bermaklumat dan meningkatkan produktivinya.

Mengulas mengenai pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Moggie berkata pakej itu adalah satu langkah yang baik dan perlu untuk memastikan bahawa ekonomi Malaysia terus berkembang.

Katanya antara lain pakej itu akan memperuntukan insentif yang lebih baik bagi Industri Kecil dan Sederhana untuk berkembang dan mengambil pendekatan yang lebih fleksibel dalam menarik pelaburan langsung asing. --  
BERNAMA

TNS SD OS